

# **KURSUS PERSIJILAN KECERGASAN FIZIKAL TRAINING of TRAINERS (ToT) DAN KURSUS PENYELAMAT KELEMASAN KEBANGSAAN TAHUN 2018**

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3387-kursus-persijilan-kecergasan-fizikal-training-of-trainers-tot-dan-kursus-penyelamat-kelemasan-kebangsaan-tahun-2018](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3387-kursus-persijilan-kecergasan-fizikal-training-of-trainers-tot-dan-kursus-penyelamat-kelemasan-kebangsaan-tahun-2018)

KUALA LUMPUR, 12 Apr 18 - Cawangan Perkhidmatan-Seksyen Pembangunan Sukan TUDM telah menganjurkan Majlis Penutup Kursus Persijilan Kecergasan Fizikal Training of Trainers (ToT) dan Kursus Penyelamat Kelemasan Kebangsaan. Majlis Penutup Kursus ini telah disempurnakan oleh YBhg Prof. Emeritus Dato' Dr. Tengku Mohd bin Tengku Sembok, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPNM. Kursus berkenaan telah dilaksanakan di Akademi Kecergasan Pertahanan dan Kompleks Sukan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) pada 9 hingga 13 Apr 18. Ianya merupakan satu bentuk kerjasama di antara Seksyen Pembangunan Sukan TUDM dan pihak Akademi Kecergasan Pertahanan UPNM serta Persatuan Penyelamat Kelemasan Malaysia (PPKM).

Pelaksanaan kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan, kemahiran baru dan meningkatkan pengetahuan para Pentadbir Sukan, Atlit serta Jurulatih Jasmani TUDM, dengan keperluan ilmu sains sukan masa kini. Kursus yang disertai oleh seramai 31 peserta yang terdiri daripada 18 peserta daripada Kursus Persijilan Kecergasan Fizikal ToT dan 13 peserta adalah daripada peserta Kursus Penyelamat Kelemasan Kebangsaan.

Perasmian penutup kursus ini turut dihadiri oleh Asisten Ketua Staf Materiel, Brig Jen Dato' Dr. Hj Mohd Yunus bin Masjuki TUDM, Asisten Ketua Staf Tadbir, Brig Jen Ahmad bin Abd Rahman TUDM, Pengarah Akademi Kecergasan Pertahanan UPNM, Prof. Dr. Mohar bin Kassim dan Pengarah Perkhidmatan, Kol Hj Ahmad bin Yusof TUDM dan pegawai, staf TUDM serta UPNM.



